

**SYARAT-SYARAT PENGANUGERAHAN UNTUK
ANUGERAH JASA BAKTI (AJB)**

1. Staf mesti berstatus TETAP dan telah berkhidmat genap 20 tahun atau lebih pada 31 Disember di Universiti Teknologi Malaysia (tempoh perkhidmatan dengan institusi luar tidak diambilkira kecuali perkhidmatan dengan Institut Teknikal Kebangsaan/Maktab Teknik);
2. Staf yang telah mengambil Cuti Tanpa Gaji, hendaklah menggantikan tempoh cuti tersebut mengikut bilangan hari cuti yang telah diambil untuk menggenapkan kiraan tempoh perkhidmatan 20 tahun bermula tarikh mula berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia. (Tidak terpakai bagi Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)).
3. Staf hendaklah bebas daripada sebarang hukuman tatatertib. Staf yang pernah dikenakan sebarang hukuman tatatertib sepanjang perkhidmatan di Universiti, kelayakannya diambil kira selepas tiga (3) tahun bagi kiraan tempoh perkhidmatan melebihi 20 tahun;
4. Staf yang telah genap tempoh perkhidmatan 20 tahun pada tahun persaraan akan diberikan penganugerahan pada tahun yang sama;
5. Mendapat sokongan/persetujuan Ketua Jabatan;
6. Staf hanya layak menerima Anugerah Jasa Bakti (AJB) sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan.
7. Staf menerima tawaran Universiti untuk dianugerahkan Anugerah Jasa Bakti (AJB).

SYARAT-SYARAT PENGANUGERAHAN UNTUK ANUGERAH JASA SETIA (AJS)

1. Staf mesti berstatus TETAP dan telah berkhidmat genap 30 tahun atau lebih pada 31 Disember di Universiti Teknologi Malaysia (tempoh perkhidmatan dengan institusi luar tidak diambilkira kecuali perkhidmatan dengan Institut Teknikal Kebangsaan/Maktab Teknik);
2. Staf yang telah mengambil Cuti Tanpa Gaji, hendaklah menggantikan tempoh cuti tersebut mengikut bilangan hari cuti yang telah diambil untuk menggenapkan kiraan tempoh perkhidmatan 30 tahun bermula tarikh mula berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia. (Tidak terpakai bagi Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)).
3. Staf hendaklah bebas daripada sebarang hukuman tatatertib. Staf yang pernah dikenakan sebarang hukuman tatatertib sepanjang perkhidmatan di Universiti, kelayakannya diambil kira selepas tiga (3) tahun bagi kiraan tempoh perkhidmatan melebihi 30 tahun;
4. Staf yang telah genap tempoh perkhidmatan 30 tahun pada tahun persaraan akan diberikan penganugerahan pada tahun yang sama;
5. Mendapat sokongan/persetujuan Ketua Jabatan;
6. Staf hanya layak menerima Anugerah Jasa Setia (AJS) sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan.
7. Staf menerima tawaran Universiti untuk dianugerahkan Anugerah Jasa Setia (AJS).